

NO. SOALAN: 387

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
**[ GOMBAK ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Uber menggunakan perisian Greyball (atau perisian seumpamanya) di Malaysia bagi mengelakkan pemantauan pihak berkuasa, dan adakah KWAP akan menyemak semula pelaburannya dalam Uber, jika ia benar berlaku.

228

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui sesi perjumpaan dan perbincangan yang dilakukan dengan Uber Malaysia sepanjang proses penggubalan dasar-dasar perkhidmatan *e-hailing*, syarikat aplikasi tersebut telah menegaskan ia tidak menggunakan perisian *Greyball* dalam operasi yang dijalankan di Malaysia.
2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dari masa ke semasa akan sentiasa mengadakan pemerhatian, pemeriksaan dan perbincangan dengan pihak berkenaan bagi memastikan ketelusan dalam pengoperasian mereka di Malaysia.

Sekian, terima kasih.